

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99**

OGOS/SEPTEMBER 1998

RDG 333 - Rekabentuk Dalaman

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan: **BAHAGIAN A** adalah **WAJIB**, Jawab **DUA** soalan daripada **BAHAGIAN B** dan **DUA** soalan daripada **BAHAGIAN C**.

Bahagian A, B dan C hendaklah diikat secara **BERASINGAN**.

BAHAGIAN A: (WAJIB)

1. Rekabentuk merupakan kegiatan kreatif yang membawa ke arah penyelesaian masalah dan pembaharuan. Keberhalisan sesuatu rekabentuk banyak bergantung kepada beberapa gandingan total faktor-faktor, aspek-aspek, isu-isu, nilai-nilai dan olahan elemen-elemen rekaan seperti gambaran konseptual Rajah 1.


Berdasarkan Rajah 1, huraikan secara kritis pengertian atau pentafsiran yang terkandung pada petak A.

(20 markah)


BAHAGIAN B: (Jawab DUA soalan sahaja)

2. Berikut adalah empat lakaran pelan cadangan rekabentuk sebuah dapur. Dapur tersebut menggunakan kuasa pemanas dari gas atau elektrik. Anda diminta membincangkan akan setiap cadangan tersebut berdasarkan kaitan pemetaan (mapping) suis kawalan dengan kedudukan setiap 'stove' dapur. Berikan cadangan rekabentuk yang terbaik mengikut turutan dan alasan-alasan yang sesuai.

(20 markah)




Lakaran I




⊖ ⊖ ⊖ ⊖
Back Front Back Front
Right Left Left Right

Lakaran II




Lakaran III




Lakaran IV

3. Di antara ciri rekabentuk yang baik ialah rekabentuknya berupaya berkomunikasi tanpa menggunakan label atau notis arahan. Gambarajah berikut (I & II) ialah dua rekabentuk pintu yang biasa dilihat di ruang komersial. Bincangkan perbezaan kedua-dua rekabentuk tersebut berdasarkan fungsi dan keselesaan kepada pengguna.

(20 markah)



Gambarajah I



Gambarajah II

4. Warna memainkan peranan penting dalam hidup setiap individu. Warna akan dapat memberi kesan akan mood seseorang: warna dapat menenangkan tekanan, warna menyebabkan seseorang hilang sabar dan sebagainya.

Sebagai seorang jururunding warna anda telah diminta mencadangkan skema warna dalaman untuk sebuah bilik menunggu Sistem LRT yang bertapak di Jalan Jelutong, yang menghubungkan komuter dari pusat bandar ke lapangan terbang Bayan Lepas. Ruang menunggu tersebut berukuran 10m x 10m berfungsi untuk kegunaan awam: berbagai peringkat umur, berbagai keturunan dan kaum dari dalam dan luar negara. Bincangkan cadangan anda mengenai prinsip-prinsip asas memilih skema warna berdasarkan tajuk-tajuk berikut: hue, nilai, intensiti, monokromatik, analogous dan pengetahuan anda mengenai warna untuk menyakinkan klien anda.

(20 markah)

BAHAGIAN III: (Jawab DUA soalan sahaja)

5. (a) Terangkan apakah elemen-elemen dan perkara-perkara penting yang terkandung di dalam “surat persetujuan” di antara klien dan pereka.
- (b) Huraikan secara terperinci skop perkhidmatan menurut praktis ikhtisas pereka berhubung dengan rekabentuk dalaman perhotelan.

(20 markah)

6. Kerajaan telah berjaya mewujudkan Bank Islam serta Takaful Islam setakat ini. Disamping itu, Hospital Islam yang bakal wujud tidak lama lagi tentu akan melegakan umat Islam di Malaysia umumnya.

Namun begitu, untuk menyediakan sebuah hotel yang berkonsepkan dan beroperasi secara Islam bukan semudah menyebutnya. Melaksanakannya juga perlu ketelitian yang terperinci.


Apakah ciri-ciri sebuah Hotel Islam yang ideal pada pandangan anda?

(20 markah)

7. “Pereka yang merekabentuk pusat-pusat hiburan, pub, perjudian, kemaksiatan dan lain-lain aktiviti negatif adalah pereka yang tidak bermoral dan ketandusan akhlak murni”.

Bincangkan pernyataan di atas berdasarkan tanggungjawab moral dan etika seorang pereka.

(20 markah)



RAJAH I